

JCorp lunas bayaran sukuk RM800j

➔ Pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 lebih tinggi

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@nstp.com.my

Johor Corporation (JCorp) melunaskan obligasi pembayaran Sukuk Wakalah siri kedua berjumlah RM800 juta untuk prinsipal berserta kupon berjumlah RM49.19 juta.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim, berkata penebusan Sukuk Wakalah itu sangat penting kepada JCorp kerana ia adalah di bawah jaminan Kerajaan Persekutuan yang dijamin oleh Kerajaan Negeri Johor.

Katanya, kejayaan melunaskan obligasi itu adalah berlandaskan kepada kesungguhan, nilai kerja berpasukan, keberkesanan peran-

cangan strategik, kekuatan aset serta kewangan kumpulan, selain kerjasama erat antara konglomerat negeri Johor itu dengan agensi Persekutuan, negeri dan pihak berkepentingan.

"Bagi tempoh Disember 2012-2019, keseluruhan bayaran sukuk dan yuran jaminan yang berjaya dilunaskan ialah RM1.959 bilion, kami akan sentiasa bertizim merangka pelbagai inisiatif serta strategi bagi memastikan JCorp terus menjana pendapatan dan keuntungan serta aliran tunai yang optimum, termasuk fokus terhadap perniagaan strategik dan penerokaan perniagaan baharu," katanya dalam satu kenyataan.

Prestasi kewangan

Sementara itu, JCorp turut mengekalkan prestasi mantap dengan mencatatkan pendapatan sebanyak RM5.616 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, lebih tinggi berbanding RM5.564 bilion yang dicatatkan pada 2017 meskipun berdepan pelbagai cabaran dan keadaan pasaran yang tidak menentu.

Pencapaian memberangsangkan itu didorong oleh prestasi perniagaan terasnya, iaitu perniagaan perladangan, kesihatan pakar, makanan dan perkhidmatan restoran,

selain sumbangan bahagian hartanah serta pembangunan industri.

Jumlah aset kumpulan turut mencatatkan pertumbuhan saban tahun sepanjang tempoh lima dekad beroperasi dengan aset bernilai RM22.891 bilion pada 2018 berbanding RM21.79 bilion tahun sebelumnya.

Mengulas mengenai prestasi kewangan itu, Kamaruzzaman berkata, perniagaan perladangan yang diterajui Kulim (Malaysia) Bhd (Kulim) dan selaku sayap perladangan JCorp, kekal sebagai antara penyumbang terbesar kepada kumpulan dengan pendapatan RM1.39 bilion walaupun sektor itu secara keseluruhannya terkesan akibat kejatuhan harga minyak sawit mentah (MSM) di pasaran global sepanjang 2018.

Beliau berkata, KPJ Healthcare Bhd (KPJ) pula terus mengukuhkan penguasaan di pasaran dan prestasi itu dicerminkan melalui keupayaannya mencatatkan pendapatan lebih RM3 bilion.

"Melangkah ke hadapan bagi mengekalkan kedudukan sebagai peneraju perkhidmatan kesihatan pakar swasta di Malaysia, KPJ mempunyai rancangan untuk memperluaskan perkhidmatan kesihatannya dengan misi menubuhkan hospital di setiap daerah utama di

Johor serta pusat penjagaan ambulatori berhampiran bandar utama di seluruh negara," katanya.

Pendapatan restoran QSR melonjak

Kamaruzzaman berkata, perniagaan makanan dan perkhidmatan restoran yang diterajui QSR Brands (M) Holdings juga mempamerkan prestasi cemerlang hasil pendekatan kerjasama strategik dengan pemain utama dalam sektor pembangunan hartanah dan komersial.

Perniagaan restoran QSR mencatatkan pendapatan RM4.17 bilion pada 2018 berbanding RM3.97 bilion pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, Johor Land Bhd selaku ejen pembangunan hartanah JCorp mencatatkan peningkatan aset RM1.39 bilion pada 2018, sementara divisyen pembangunan industri pula berjaya menarik pelaburan berjumlah RM11.176 bilion pada 2018, terutama ke Taman Perindustrian Pengerang dan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat yang mewujudkan 7,406 peluang pekerjaan hasil strategi pemasaran yang cekap dan agresif.

TPM Technopark Sdn Bhd yang bernaung di bawah divisyen itu mencatatkan penjualan tanah industri seluas 186.2 hektar bernilai RM477.11 juta dan kutipan



Penebusan Sukuk Wakalah itu sangat penting kepada JCorp kerana ia adalah di bawah jaminan Kerajaan Persekutuan yang dijamin oleh Kerajaan Negeri Johor"

Kamaruzzaman Abu Kassim,
Presiden dan Ketua
Eksekutif JCorp

jualan RM351.69 juta.

TLP Terminal Sdn Bhd pula merekodkan pengendalian kargo tertinggi berjumlah 14.3 juta tan, meningkat 27 peratus berbanding pencapaian 2017.

JCorp juga menyumbang RM95.12 juta untuk pelbagai program tanggungjawab korporat bagi menyantuni komuniti dan kumpulan sasaran, termasuk komitmen menayakan skim Rumah Mampu Biaya Johor.